

Media Title : Utusan Borneo Sabah
Headline : Wanita rugi RM359,150 terperdaya 'scammer' pegawai syarikat e-dagang
Date : 17 December 2025
Section : Nasional
Page : 4



Wanita rugi RM359,150 terperdaya 'scammer' pegawai syarikat e-dagang

BUKIT MERTA JAM: Polis mengesahkan seorang kerani sebuah syarikat swasta di Perai di sini kerugian RM359,150 selepas terperdaya sindiket penipuan panggilan telefon yang menyamar sebagai pegawai syarikat e-dagang baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah ACP Helmi Aris berkata, wanita berusia 60 tahun berkenaan membuat laporan polis berhubung kejadian itu pada Sabtu lalu dan siasatan lanjut dijalankan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Mangsa memaklumkan ketika berada di tempat kerja pada 7 Mac lalu, beliau menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai wakil sebuah syarikat e-dagang yang mendakwa data butiran peribadi wanita itu terlibat penjualan ubat tiruan sehingga menyebabkan seorang pengguna dimasukkan ke hospital selepas menggunakannya.

"Panggilan itu kemudiannya disambungkan kononnya kepada seorang pegawai polis

yang memaklumkan mangsa turut terlibat pengubahan wang haram dan meminta wanita itu memberikan kerjasama kepada polis untuk siasatan lanjut serta mengikut arahan yang diberikan," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, wanita itu melakukan 27 transaksi ke dalam sembilan akaun bank berbeza membabitkan jumlah keseluruhan RM359,150 sejak 7 Mac hingga 1 Oktober lalu, malah suspek mengarahkan wanita itu hadir ke mahkamah di Light Street bagi prosiding berkaitan pada 13 Disember.

Helmi berkata, mangsa telah hadir dan menunggu sehingga semua prosiding selesai, namun namanya tidak dipanggil oleh pihak mahkamah.

"Mangsa buat semakan di kaunter mahkamah dan mendapati namanya tidak tersenarai sebarang kes serta tiada dalam rekod mahkamah, setelah menyedari dirinya menjadi mangsa penipuan, beliau bertindak membuat laporan polis," katanya. — Bernama